

Jamin kejayaan projek ekonomi

Kerajaan perlu kuat: Mahathir

Oleh HISHAMUDDIN AUN

JOHOR BAHRU, Selasa — Hanya kerajaan yang kukuh dan kuat dapat menjamin kejayaan pelaksanaan sesuatu rancangan ekonomi untuk kesejahteraan rakyat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, faktor terpenting untuk memastikan kejayaan sesuatu rancangan ialah kerajaan yang dedikasi serta negara yang aman dan tenteram.

"Sementara kita boleh buat pelbagai rancangan, kita perlu kerajaan yang kukuh dan kuat dengan mendapat majoriti dua pertiga kerusi di Dewan Rakyat dan bukan sekadar boleh membuat rancangan tetapi tidak boleh melaksanakannya.

"Sebaliknya, kerajaan yang lemah akan menumpukan lebih banyak masa untuk menyelamatkan dirinya daripada melakukan usaha lain," katanya ketika melancarkan Pelan Ekonomi Johor 1990-2005 di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, banyak negara yang boleh dijadikan contoh atas kegagalannya melaksanakan

pelbagai rancangan semata-mata kerana kerajaannya tidak cukup kuat untuk menghadapi bermacam-macam tekanan.

Di dalam negara pula, katanya, rakyat boleh mengambil iktibar daripada keadaan yang berlaku pada 1969 apabila keadaan menjadi huru-hara kerana kerajaan gagal mendapatkan majoriti dua pertiga.

"Kita bukan hendak menakut-nakutkan sesiapa tetapi kita harus belajar dari sejarah kerana sejarah adalah bilik kuliah yang terbesar.

Pak Pandir

"Mereka yang tidak belajar daripada sejarah akan menerima hukuman dalam pelbagai bentuk secara berterusan," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia menduduki tangga kelima di kalangan 135 negara membangun di belakang Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong dan Singapura, bukan secara kebetulan.

Sebaliknya, katanya, pertumbuhan ekonomi negara pada kadar antara 8.5 hingga 8.7 peratus setahun adalah hasil perancangan rapi di peringkat pusat dan negeri.

"Pertumbuhan ekonomi mempunyai makna yang tepat kepada kita semua. Apabila ekonomi meningkat, ramai yang akan berbelanja dan ada orang yang mendapat untung. Apabila ramai pelabur asing datang ke negara kita pula, rakyat mendapat pekerjaan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga membidas parti pembangkang yang mengemukakan rancangan ekonomi tidak realistik hasil usaha mereka yang disifatkannya sebagai 'Pak Pandir'.

Menurutnya, jika janji yang dibuat oleh parti Semangat 46 dilaksanakan, urusan ekonomi negara kesudahannya akan ditadbir oleh wakil-wakil Bank Dunia kerana menanggung hutang besar.

"Pada ketika itu, segala perancangan tidak berguna lagi. Inilah yang akan terjadi kepada ekonomi kita kalau kita berhutang macam rancangan Pak Pandir yang buat manifesto ini.

"Sebab itulah kita perlu perancangan ekonomi secara teratur dan kerajaan yang kukuh dan kuat untuk melaksanakannya. Kita tidak harus perjudikan nasib hanya kerana ada masalah titik bengkok antara kita," katanya.